

**DERMA ORGAN JARIAH YANG DIABAIKAN  
30 SEPTEMBER 2022/ 3 RABIUAWAL 1444H**

أَحْمَدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Syariat Islam menggalakkan penganutnya supaya membuat kebajikan, menabur bakti, menyumbang khidmat dan memenuhi harapan golongan yang memerlukan. Terdapat mereka yang menderita penyakit terutamanya yang tidak dapat dirawat kecuali dengan proses pemindahan organ. Justeru tindakan menderma anggota dianggap sebagai satu usaha untuk melaksanakan perintah

agama agar saling bantu membantu antara satu sama lain dalam perkara-perkara kebaikan dan takwa. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Maidah ayat 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

**Yang bermaksud:** “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat siksaan-Nya”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,**

Pendermaan atau pemindahan organ adalah proses memindahkan dan menggantikan organ atau tisu yang tidak berfungsi dan tidak boleh dirawat lagi pada pesakit dengan organ atau tisu yang sihat dan masih berfungsi daripada orang lain yang mendermanya. Pendermaan organ boleh dilakukan semasa hidup atau selepas meninggal dunia dengan syarat-syarat tertentu seperti telah diperakui oleh pakar perubatan, menepati kehendak hukum Syarak serta memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Sesungguhnya organ yang didermakan memberi manfaat yang amat bermakna untuk menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup pesakit. Orang yang menderma dianggap telah melakukan kebajikan yang besar sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Maidah ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا  
فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ بَعَدَ  
ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

**Yang bermaksud:** “Barangsiapa yang membunuh seorang manusia tanpa alasan membunuhnya atau melakukan kerusakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barangsiapa yang menjaga nyawa seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga kehidupan manusia kesemuanya. Sesungguhnya Rasul Kami telah datang kepada mereka dengan (membawa) keterangan-keterangan yang jelas. Tetapi, kemudian banyak di antara mereka setelah itu melampaui batas di bumi Sesungguhnya Rasul Kami telah datang kepada mereka dengan (membawa) keterangan-keterangan yang jelas. Tetapi, kemudian banyak di antara mereka setelah itu melampaui batas di bumi.”.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam turut menyatakan kelebihan seseorang yang membantu orang lain melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ  
الْقِيَامَةِ

**Yang bermaksud:** “Sesiapa yang membantu mencukupkan keperluan saudaranya, maka Allah pula membantu mencukupkan keperluannya. Sesiapa yang melepaskan kesulitan seorang Muslim, maka Allah melepaskan pula kesusahannya kelak pada hari kiamat.”

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,**

Majlis Fatwa Kebangsaan dan fatwa negeri-negeri seawal tahun 1965 termasuk institusi antarabangsa seperti Majma' Fiqh Islami dan Lajnah Da'imah Arab Saudi telah memutuskan bahawa proses perdermaan organ adalah diharuskan. Pemandahan organ dibenarkan Syara' atas alasan menjaga Maqasid (matlamat) Syariah yang lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Selain itu kaedah fiqh (Qawaid Fiqhiyyah) seperti konsep darurat membenarkan larangan "ad-Dharurah tubihul mahzurat" dan memilih darurat yang kurang antara dua darurat "Akhaflu ad-Dararain" telah menjadi asas kebenaran pemindahan organ apabila berlaku sakit yang mengancam nyawa.

Namun di sana terdapat salah faham yang menyebabkan umat Islam berasa sangsi dengan proses pendermaan organ ini. Segelintir orang Islam mendakwa bahawa menderma organ akan menyiksa mayat, ada yang berpandangan bahawa jasad muslim itu adalah amanah Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan tidak boleh diambil sesuka hati, ada juga sebahagian masyarakat takut bahawa penderma organ akan bangkit dengan jasad yang tidak sempurna di Mahsyar nanti, begitu juga ada yang menyangka bahawa penderma akan menanggung dosa penerima organ jika penerima tersebut melakukan maksiat ataupun dia adalah seorang yang bukan Islam. Semua tanggapan sedemikian adalah salah menurut pandangan agama Islam.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Zalzalah ayat 7 hingga 8:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.